

Sikap Keusahawanan dan Pencapaian Prestasi Subjek Perniagaan Murid Sekolah Menengah (*Entrepreneurial Attitudes and Achievement of Business Subjects of Secondary School Students*)

Nurul Hidayah Omar^{1*}, Norasmah Othman¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

*Pengarang Koresponden: p104979@siswa.ukm.edu.my

Accepted: 15 December 2021 | Published: 31 December 2021

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2021.3.4.21>

Abstrak: Bidang keusahawanan menjadi tunjang utama dalam merencanakan ekonomi negara. Budaya dan ekosistem keusahawanan perlu diterapkan khususnya pada generasi muda agar keusahawanan menjadi pilihan utama mereka. Sehubungan itu, pendidikan keusahawanan perlu diberikan sejak di bangku sekolah lagi bagi mempersiapkan murid dengan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan. Secara tidak langsung, sikap keusahawanan murid dapat dibina atau dipertingkatkan lagi. Disebabkan itu, subjek Perniagaan telah diperkenalkan di peringkat menengah agar penerapan pendidikan keusahawanan dari segi kognitif, afektif dan psikomotor murid dapat dikembangkan. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap sikap keusahawanan dan tahap pencapaian prestasi subjek Perniagaan murid di sekolah menengah. Seramai 217 murid dijadikan responden dan dipilih secara rawak mudah. Data telah dianalisis menggunakan Statistik Perisian Sains Sosial versi 26. Hasil analisis menunjukkan sikap keusahawanan murid berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan murid mempunyai sikap keusahawanan yang positif. Sementara tahap pencapaian prestasi subjek Perniagaan menunjukkan pada tahap kepujian bagi kategori kognitif dan psikomotor. Manakala, bagi kategori afektif menunjukkan pada tahap cemerlang. Berdasarkan hasil analisis, perbincangan dan implikasi kajian turut dibincangkan.

Kata Kunci: Sikap keusahawanan, pencapaian prestasi, murid sekolah menengah

Abstract: Entrepreneurship has been a key element of the nation economic growth. Entrepreneurial culture and ecosystem need to be inculcated especially among the youth so that entrepreneurship becomes their main choice. Therefore, entrepreneurship education must be provided beginning at school levels to prepare pupils with entrepreneurial knowledge and skills. This indirectly builds and further develops pupils' entrepreneurial attitude. Due to that, Business subject is introduced at secondary schools so that pupils' entrepreneurship education in terms of cognitive, affective and psychomotor progresses. Hence, this study was conducted to identify pupils' level of entrepreneurial attitude and their level of performance in Business subject at secondary schools. About 217 pupils were chosen as respondents through simple random technique. The data was analysed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 26. The analysis shows that pupils' entrepreneurial attitude is high. This reveals that pupils acquire positive entrepreneurial attitude. Meanwhile, the pupils' performance in Business subject is in credit level in terms of cognitive and psychomotor. Furthermore, in affective category, the pupils achieve an advanced level. Based on the analysis, discussion and implications of the study were also elaborated.

Keywords: Entrepreneurial attitudes, achievement, secondary school students

1. Pengenalan

Dunia pada masa kini menjadikan keusahawanan sebagai salah satu kerjaya untuk menjana pendapatan dan mewujudkan peluang pekerjaan sekaligus meningkatkan ekonomi negara (Silva & Koggalage, 2021). Jika diteliti Laporan Global Entrepreneurship Monitor 2020/2021 menunjukkan kerjaya keusahawanan masih lagi dijadikan pilihan walaupun dunia dilanda pandemik COVID-19. Malah, Malaysia juga menggalakkan rakyatnya untuk menceburi bidang keusahawanan bagi mengurangkan jurang kemiskinan dan seterusnya dapat menjana pendapatan isi rumah (SME Corporation, 2021). Sehubungan itu, Malaysia telah memperkenalkan Model Pembangunan Baharu melalui Dasar Keusahawanan Negara 2030 (DKN 2030) bagi mewujudkan budaya dan ekosistem keusahawanan seterusnya melahirkan individu yang berpengetahuan tinggi, berdaya saing, produktif serta dapat memenuhi keperluan dan kehendak industri (Kementerian Pembangunan Usahawan, 2019). Bantuan dari segi kewangan, prasarana, peralatan, pendidikan dan latihan sering dikaitkan untuk mendorong individu memilih usahawan sebagai kerjaya utama.

Penerapan keusahawanan terhadap generasi muda perlu dilaksanakan terlebih dahulu bagi merencanakan dunia keusahawanan pada masa akan datang. Disebabkan itu, majoriti negara menggunakan pendidikan sebagai salah satu medium bagi memupuk keinginan dan sikap keusahawanan dalam diri murid (Sun et al., 2020). Malah, pelbagai program dan aktiviti yang dilaksanakan di peringkat sekolah bagi mencetuskan budaya keusahawanan yang positif dan seterusnya menarik minat murid dalam bidang keusahawanan (Pimpa, 2019). Ini menjadikan pendidikan keusahawanan sebagai salah satu langkah untuk mendedahkan generasi muda dengan keusahawanan. Justeru, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan subjek Perniagaan di sekolah menengah sebagai salah satu subjek pilihan untuk murid tingkatan 4 dan tingkatan 5. Secara amnya, subjek ini mampu untuk mencapai matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang mahu melahirkan murid berpengetahuan tinggi, mempunyai kemahiran berfikir, memimpin malah dapat menguasai dwibahasa, etika, kerohanian dan beridentiti nasional (KPM, 2013). Secara tidak langsung, murid dapat dipersiapkan dengan ciri-ciri keusahawanan. Tambahan, murid juga dapat mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dengan memulakan perniagaan secara kecil-kecilan dan menjana pendapatan (Ahmad Rosli et al., 2017).

Pada dasarnya, kandungan subjek Perniagaan ini berfokuskan kepada tiga domain iaitu kognitif, afektif dan psikomotor (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Dari segi kognitif, penyusunan topik mengikut aras rendah kepada tinggi telah dititikberatkan dalam subjek ini. Ini bagi memastikan murid dapat menguasai pemikiran aras rendah terlebih dahulu iaitu mengingat, memahami dan mengaplikasi serta diikuti dengan pemikiran aras tinggi iaitu menganalisis, menilai dan mencipta. Hal ini selaras dengan Model Pembelajaran Taksonomi Bloom (KPM, 2014). Seiring itu, prestasi murid dapat diukur melalui aras pemikiran yang dikuasai. Murid yang menguasai pemikiran aras rendah belum tentu dapat mempraktikkan pengetahuan tersebut (Nursyahirah et al., 2018). Pemikiran yang terhad ini menyebabkan berlakunya pemikiran yang terbatas. Disebabkan itu, murid perlu didedahkan dengan soalan yang beraras tinggi agar mereka lebih terdorong untuk berfikir secara kritis, reflektif, metakognitif dan kreatif (Nurul et al., 2019). Melalui kognitif ini secara tidak langsung akan memberi kesan kepada afektif dan psikomotor murid (Nur Asmaliza et al., 2020). Ini akan mendorong murid untuk memperoleh pencapaian prestasi terhadap subjek yang dipelajari.

Malah, keinginan untuk mendalami sesuatu subjek mencetuskan motivasi dalam diri murid untuk mencapai matlamat yang disasarkan (Puveswari et al., 2021).

KPM memberi kebebasan kepada murid untuk memilih subjek elektif masing-masing berdasarkan minat (Sinar Harian, 2019). Ini bermakna murid yang memilih subjek Perniagaan sedikit sebanyak mempunyai minat untuk menceburi bidang keusahawanan (Sutha et al., 2017; Wan Shuhaidashima et al., 2019). Minat dan sikap merupakan tunjang utama dalam mendorong murid untuk menguasai subjek dan seterusnya menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya utama (Norhafizah et al., 2018). Malah, sikap keusahawanan dapat mempengaruhi tindakan keusahawanan seseorang melalui tingkah laku (Ridzuan et al., 2018; Noorizda et al., 2019). Model Linan dan Chen (2009) membuktikan bahawa sikap keusahawanan seseorang dapat mendorong kepada niat keusahawanan. Sikap yang positif terhadap sesuatu bidang yang dipelajari akan memberi keseronokan kepada murid kerana tidak berlakunya desakan (Minah et al., 2021). Maka, murid juga akan seronok untuk mempelajari subjek Perniagaan sekiranya mereka mempunyai sikap keusahawanan.

1.1 Pernyataan Masalah

Subjek Perniagaan merupakan salah satu subjek yang diuji dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang dinilai berdasarkan gred (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2020). Jika diteliti statistik calon SPM bagi subjek Perniagaan menunjukkan pengurangan calon pada setiap tahun (Jadual 1). Ini mencetuskan kebimbangan terhadap sikap keusahawanan generasi muda dan secara tidak langsung ia akan menyumbang kepada pengurangan pilihan kerjaya sebagai usahawan pada masa akan datang. Tambahan, gaya pengajaran guru yang tidak kreatif menyebabkan murid berasa bosan dan membataskan kemahiran serta pengetahuan keusahawanan mereka (Toresingam et al., 2019). Malah, ia merencatkan sikap keusahawanan murid kerana minat murid terhadap keusahawanan semakin pudar (Nurul Jasmin et al., 2020). Berikutan itu, murid akan kurang fokus terhadap subjek yang dipelajari (Sutha et al., 2017) sekaligus mempengaruhi emosi dan tingkah laku murid untuk mencapai prestasi yang bagus. Ini kerana perasaan ingin tahu murid akan pudar kerana murid sudah tiada keyakinan diri dan motivasi (Zunaini et al., 2019). Malah, kajian Rosniza et al. (2020) menunjukkan generasi muda berpendapat pendidikan tidak lagi penting dalam membantu mereka mencari pekerjaan walaupun dalam sektor tidak formal. Maka, terdapat satu keperluan untuk kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti tahap sikap keusahawanan dan tahap pencapaian prestasi subjek Perniagaan murid di sekolah menengah.

Jadual 1: Bilangan Calon SPM MPEI Perniagaan

Tahun	Bilangan Calon
2018	93900
2019	89432
2020	85397

Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia (2020a, 2021b)

2. Ulasan Kajian Lepas

Sikap Keusahawanan

Sikap merupakan personaliti individu yang wujud berdasarkan keinginan peribadi dan rangsangan kumpulan (Crow, 1980). Kajian lepas ada menunjukkan sekiranya seseorang menunjukkan sikap keusahawanan maka minat dan niat keusahawanan mereka secara tidak langsung akan wujud (Linan et al., 2009; Omar, 2021). Malah, sikap keusahawanan boleh dipupuk dan dipertingkatkan melalui pendidikan keusahawanan sekaligus mendorong murid untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya utama (Bazkiaei, 2020; Shah et al., 2020;

Genshu et al., 2021; Lavelle, 2019). Ini disokong dengan kajian Noratikah et al. (2017) yang menunjukkan pendidikan keusahawanan mampu meningkatkan ciri-ciri keusahawanan dalam diri murid. Ciri-ciri keusahawanan yang terbina menambahkan lagi motivasi dan keyakinan diri murid untuk peka terhadap keperluan dan kehendak yang ingin dicapai terutamanya dalam bidang keusahawanan (Affzalina et al., 2017). Sikap keusahawanan yang positif juga dapat menimbulkan keinginan murid untuk bekerja secara sendiri dan menyediakan peluang pekerjaan kepada orang lain (Qadasi et al., 2021; Omar, 2021). Malahan, terdapat kajian yang menunjukkan persekitaran yang berbudayakan keusahawanan juga memberi kesan kepada sikap keusahawanan (Nurzulaikha & Noor Aslinda, 2021). Program dan aktiviti yang dijalankan di sekolah dapat mengembangkan lagi sikap keusahawanan tetapi belum tentu mendorong murid memilih usahawan sebagai kerjaya utama (Azwin Darlina et al., 2021). Ini disokong kajian Kusumojanto et al. (2021) yang menunjukkan sikap keusahawanan yang tinggi tidak memberi kesan terhadap niat keusahawanan apatah lagi untuk menjadi usahawan kelak. Malah, kajian Noorizda et al. (2019) juga menunjukkan peluang perniagaan dan keusahawanan murid yang terbatas menjadikan sikap keusahawanan mereka pudar begitu sahaja.

Pencapaian Prestasi Subjek

Kajian lepas menunjukkan tahap pencapaian subjek Perniagaan berada pada tahap sederhana tinggi (Wan Suhaidashima et al., 2019). Pencapaian prestasi subjek pada dasarnya boleh diukur melalui kognitif, afektif dan psikomotor sama ada melalui peperiksaan, ujian, kuiz dan pentaksiran bilik darjah/sekolah (Agus, 2018; Bhutali et al., 2020; KPM, 2019). Corbi et al. (2020) menekankan agar kesamarataan kognitif, afektif dan psikomotor perlu diberi perhatian kerana ia memberi kesan kepada motivasi dan emosi murid. Kajian lepas ada menunjukkan motivasi murid sangat penting bagi memastikan pencapaian prestasi cemerlang (Azizi & Roslinda, 2021). Malah terdapat kajian yang menunjukkan minat dan persepsi yang positif dalam subjek tersebut menjadi nilai tambah kepada motivasi murid untuk lebih menguasai subjek (Puveswari et al., 2021). Ini disokong dengan kajian Wan Suhaidashima et al. (2019) yang menunjukkan minat yang tinggi dalam subjek Perniagaan akan mendorong murid untuk memberi tumpuan sepenuhnya dan seterusnya akan menghasilkan prestasi yang bagus.

Kajian Noorul Jannah et al. (2019) menunjukkan bahawa murid subjek Perniagaan masih belum menguasai sepenuhnya kemahiran yang ada dalam elemen pembelajaran abad ke-21 (PAK-21). Ini membuktikan bahawa murid masih lagi tidak menguasai enam aras pemikiran (kognitif) dan tidak dapat mengaplikasikan pengetahuan yang dipelajari dengan tindakan (psikomotor). Malah, kajian lepas menegaskan bahawa murid perlu didedahkan dengan pengalaman sebenar agar psikomotor mereka dapat ditunjukkan melalui tingkah laku keusahawanan (Wan Mohd Zaifurin et al., 2020; Esmalaily et al., 2019). Ini di sokong dengan kajian Fadilla et al. (2020) yang menunjukkan bahawa penglibatan murid dalam program dan aktiviti keusahawanan secara langsung menyebabkan tahap keinginan mendalami bidang keusahawanan semakin tinggi. Keinginan yang tinggi ini akan mempengaruhi murid untuk meningkatkan prestasi kerana mereka sentiasa berusaha untuk menyelesaikan masalah secara kritis. Ini seiring dengan kajian Nur Adila et al. (2021) yang menunjukkan sekiranya murid diberikan soalan yang beraras tinggi maka pemikiran mereka akan diasah dengan penuh tanda tanya. Sehubungan itu, murid akan berusaha untuk mencuba dan menganalisis sesuatu yang baharu. Maklum balas yang positif dan aktif murid pada dasarnya akan menunjukkan pencapaian prestasi mereka dalam subjek (Ahmad Fauzi et al., 2018).

3. Metodologi

Penyelidik menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk kajian tinjauan. Seramai 452 orang murid tingkatan 4 yang mengambil subjek Perniagaan di daerah Rompin, Pahang telah dijadikan populasi. Secara rasionalnya, pemilihan responden di daerah ini adalah seiring dengan pernyataan masalah kajian yang menunjukkan pengurangan bilangan murid subjek perniagaan pada setiap tahun. Penggunaan sampel secara rawak mudah telah diguna pakai. Penentuan saiz sampel adalah seramai 217 orang berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Cohen et al. (2001).

Soal selidik melalui *google form* telah diberikan kepada responden yang melibatkan tiga bahagian. Bahagian A dan bahagian B telah diadaptasi dan diubah suai berdasarkan kajian Noorizda et al. (2019) dan Ravi (2015). Bahagian A merangkumi demografi responden manakala Bahagian B mengukur tahap sikap keusahawanan murid. Bagi bahagian B terdapat empat item yang diuji dengan pilihan jawapan lima skala likert iaitu sangat setuju (SS), setuju (s), kurang setuju (KS), tidak setuju (TS) dan sangat tidak setuju (STS). Sementara, bahagian C melibatkan ujian pencapaian murid yang dibina oleh penyelidik berdasarkan kandungan kurikulum subjek Perniagaan tingkatan 4 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Ujian pencapaian ini melibatkan sebanyak 22 item yang dibahagikan kepada kategori kognitif, afektif dan psikomotor. Setiap kategori item diberikan markah penuh sebanyak 100%.

Penyelidik juga telah melakukan kesahan dan kebolehpercayaan setiap item. Yee (2018) mendefinisikan kesahan adalah kemampuan instrumen kajian untuk mengukur sesuatu. Manakala, kebolehpercayaan adalah keupayaan instrumen memberikan hasil yang sama walaupun telah digunakan setiap kali (Amran et al., 2021). Penyelidik menggunakan tiga orang pensyarah kanan universiti yang berpengalaman dalam bidang pendidikan perniagaan dan keusahawanan untuk mengesahkan kandungan. Penggunaan indeks kesahan kandungan (CVI) telah digunakan oleh penyelidik bagi menentukan sama ada mengekalkan semua item sikap atau sebaliknya. Sekiranya nilai CVI melebihi 0.80 bermakna item layak untuk diterima (Lily et al., 2018). Hasil CVI menunjukkan semua item melebihi nilai 0.80. Ini menunjukkan semua item di bahagian B layak untuk dikekalkan. Setelah itu, kajian rintis telah dijalankan dengan mengambil kira 30 responden yang sama ciri dengan responden sebenar. Ini selari dengan Fauziah et al. (2020) yang mencadangkan responden yang sesuai untuk diuji dalam kajian rintis adalah antara 30 hingga 60 orang.

Setelah kajian rintis selesai, penyelidik telah menganalisis dapatan menggunakan SPSS versi 26. Dapatan menunjukkan nilai kebolehpercayaan bagi item sikap menunjukkan nilai *cronbach's alpha* dengan nilai 0.91. Kline (2011) berpendapat bahawa nilai kebolehpercayaan yang melebihi 0.7 layak untuk digunakan. Maka, semua item di bahagian B boleh diguna pakai. Manakala, bagi bahagian C, semua item akan diuji menggunakan indeks kesukaran (IK) dan indeks diskriminasi (ID). IK merupakan bilangan murid yang menjawab betul pada sesuatu item manakala ID adalah perbandingan pencapaian tertinggi dengan pencapaian terendah murid semasa menjawab soalan tersebut (Ayu, 2020). Jadual 2 menunjukkan interpretasi IK yang digunakan dan dapatan menunjukkan semua item berada pada tahap sederhana. Ini membuktikan bahawa semua item boleh diterima. Sementara bagi ID menunjukkan 15 item berada pada tahap sangat baik, lima item pada tahap baik dan dua item pada tahap sederhana baik. Berdasarkan Jadual 3 maka semua item di bahagian C boleh dikekalkan.

Jadual 2: Interpretasi Indeks Kesukaran

IK	Pentafsiran Item	Keputusan
< 0.3	Terlalu Sukar	Ubahsuai Soalan
0.31 hingga 0.8	Sederhana	Terima Soalan
≤ 0.81	Terlalu Mudah	Ubahsuai Soalan

Jadual 3: Aras Indeks Diskriminasi dan Pengkelasan Item

ID	Pengkelasan
0.00 – 0.10	Tidak Baik
0.11 – 0.20	Kurang Baik
0.21 – 0.30	Sederhana Baik
0.31 – 0.40	Baik
0.41 – 1.00	Sangat Baik

Analisis data bagi bahagian A dan B juga dianalisis menggunakan SPSS versi 26. Penggunaan analisis deskriptif diguna pakai untuk kedua dua bahagian ini dalam bentuk frekuensi dan peratus. Penyelidik menggunakan interpretasi min pada Jadual 5 bagi bahagian A dan B. Sementara bagi bahagian C, penyelidik menentukan tahap pencapaian responden berdasarkan kategori dengan merujuk skor yang diperoleh responden (Jadual 6).

Jadual 5: Interpretasi Min

Skor Purata Min	Tafsiran
1.00 – 1.89	Sangat Rendah
1.90 – 2.69	Rendah
2.70 – 3.49	Sederhana
3.50 – 4.29	Tinggi
4.30 – 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Chew & Zul Hazmi (2018)

Jadual 6: Skor dan Tahap Pencapaian Prestasi

Skor	Tahap
70 hingga 100	Cemerlang
50 hingga 69	Kepujian
40 hingga 49	Lulus
0 hingga 39	Gagal

4. Dapatan dan Perbincangan

Tahap Sikap Keusahawanan

Berdasarkan Jadual 7, dapatan menunjukkan purata min adalah 4.19 dengan sisihan piawai = 0.53. Ini membuktikan tahap sikap keusahawanan murid adalah tinggi. Jika dilihat item 2 iaitu 'Saya akan berusaha melakukan apa sahaja untuk mengusahakan perniagaan saya sendiri' menunjukkan peratusan tertinggi bersetuju (93.5%). Manakala, peratusan terendah bersetuju ditunjukkan pada item 1 iaitu 'Saya lebih suka menjadi seorang usahawan berbanding bekerja dengan organisasi sama ada sektor awam atau pun sektor swasta' (75.2%). Dapatan jelas terbukti menunjukkan lebih daripada 80% responden bersetuju dengan pernyataan yang diberikan. Ini bermakna majoriti responden menunjukkan sikap keusahawanan yang positif.

Dapatan ini seiring dengan kajian Noorizda et al. (2019) yang membuktikan sikap keusahawanan murid adalah tinggi. Namun begitu, kajian Azwin Darlina et al. (2021) menunjukkan sedikit perbezaan yang mana kecenderungan sikap keusahawanan murid berada

pada tahap sederhana tinggi. Program dan aktiviti di sekolah memainkan peranan dalam membina sikap keusahawanan murid dan ciri-ciri keusahawanan murid (Noratikah et al., 2017). Secara amnya, ciri-ciri keusahawanan seperti berani mengambil risiko dan mencuba sesuatu yang baharu dapat dipupuk semasa menghadapi situasi atau pengalaman sebenar. Ini kerana melalui subjek Perniagaan, murid didedahkan dengan tugas projek seperti menyediakan rancangan perniagaan malah ada aktiviti keusahawanan dan perniagaan yang dilakukan di sekolah (Fadilla et al., 2020). Budaya dan persekitaran keusahawanan sekaligus menambahkan lagi minat dan sikap keusahawanan murid (Nurzulaikha et al., 2020). Sikap keusahawanan yang tinggi menimbulkan keinginan murid untuk menjadi majikan atau bekerja sendiri sama seperti yang ditunjukkan dalam kajian Qadasi et al. (2021) dan Omar (2021). Tambahan, subjek Perniagaan merupakan subjek yang sesuai untuk murid mendalami bidang keusahawanan. Disebabkan itu, murid akan fokus dan berusaha untuk mendalami setiap topik semasa mempelajari subjek Perniagaan. Ini jelas membuktikan pendidikan keusahawanan seperti subjek Perniagaan mampu meningkatkan sikap keusahawanan murid agar keperluan dan kehendak mereka dapat dicapai (Genshu et al., 2021; Bazkeiai et al., 2020; Affzalina et al., 2017).

Jadual 7: Ke kerap an dan Peratusan Bagi Item Sikap (n=217)

No	Item	STS	TS	KS	S	SS
		n %	n %	n %	n %	n %
1	Saya lebih suka menjadi seorang usahawan berbanding bekerja dengan organisasi sama ada sektor awam atau pun sektor swasta.	-	4	50	123	40
		-	1.8	23.0	56.7	18.4
2	Saya akan berusaha melakukan apa sahaja untuk mengusahakan perniagaan saya sendiri.	-	-	14	112	91
		-	-	6.5	51.6	41.9
3	Saya mempunyai kehendak untuk memulakan perniagaan saya suatu hari nanti.	-	1	23	119	74
		-	0.5	10.6	54.8	34.1
4	Saya ingin menjadi majikan atau ketua dalam organisasi/ perniagaan saya sendiri.	-	5	23	100	89
		-	2.3	10.6	46.1	41.0
Purata min		=	4.19			
Sisihan piawai		=	0.53			
Tahap		=	Tinggi			

Tahap Pencapaian Prestasi Subjek Perniagaan

Jadual 12 menunjukkan dapatan bagi pencapaian prestasi subjek Perniagaan yang telah dikategorikan berdasarkan kognitif, afektif dan psikomotor. Peratusan tertinggi menunjukkan item yang melibatkan afektif iaitu 67.7% (skor 70 hingga 100). Ini menunjukkan item bagi afektif berada pada tahap yang cemerlang. Sementara item melibatkan kognitif menunjukkan peratusan tertinggi pada tahap kepujian iaitu 50.7% (skor 50 hingga 69). Item psikomotor juga menunjukkan pada tahap kepujian iaitu 38.3% (skor 50 hingga 69). Manakala, dari segi peratusan terendah, semua item bagi setiap kageteri berada pada tahap gagal (kognitif=10.6%, afektif=3.2% dan psikomotor=12.9%). Ini jelas menunjukkan bahawa minoriti responden (bawah 15%) berada pada tahap gagal iaitu antara skor 39 hingga 0. Secara keseluruhannya murid lebih cemerlang dalam menjawab item yang melibatkan afektif berbanding kognitif dan psikomotor.

Pencapaian yang cemerlang pada kategori item afektif menunjukkan bahawa murid mempunyai minat yang tinggi kerana emosi mereka berasa seronok semasa mempelajari subjek Perniagaan. Manakala, jika dilihat murid hanya mencapai skor pada tahap kepujian bagi item yang melibatkan kognitif dan psikomotor. Ini selari dengan kajian Wan Shuhaidashima et al. (2019) yang menunjukkan pencapaian subjek Perniagaan berada pada tahap sederhana tinggi.

Ini membuktikan bahawa berlakunya ketidaksamarataan kognitif, psikomotor dan afektif murid dalam menguasai subjek Perniagaan. Ketidaksamarataan ini menyebabkan murid kurang bermotivasi kerana berlakunya konflik emosi dalam diri. Ini disokong dengan kajian Corbi et al. (2020) yang menekankan keseimbangan kognitif, psikomotor dan afektif boleh memberikan pencapaian prestasi yang bagus kepada murid.

Malah, Azizi et al. (2021) juga menegaskan motivasi murid secara langsung menimbulkan keinginan murid dalam mendalami dan menguasai subjek yang dipelajari. Berikutan itu, murid akan berfikir secara kritis lagi dalam menyelesaikan masalah dan lebih berinovasi. Sekaligus ini akan menimbulkan minat dan persepsi yang positif untuk mencapai prestasi yang cemerlang seiring dengan kajian seperti yang ditunjukkan dalam kajian Puvaneswari et al. (2021). Ini disokong oleh kajian Wan Suhaidashima et al. (2019) yang menunjukkan minat yang tinggi akan mendorong seseorang untuk fokus terhadap apa yang dipelajari.

Pencapaian kognitif yang ditunjukkan pada tahap kepujian ini membuktikan bahawa murid tidak menguasai enam aras pemikiran (kognitif). Ini jelas membuktikan bahawa murid hanya dapat menguasai tiga aras pemikiran yang rendah sahaja iaitu mengingat, memahami dan mengaplikasi. Pemikiran aras tertinggi masih belum dikuasai oleh murid kerana murid masih tidak dapat menganalisis, menilai dan mencipta. Ini jelas dilihat berdasarkan pencapaian psikomotor yang juga berada pada tahap kepujian. Malah ia disokong dengan kajian Noorul Jannah et al. (2019) yang menunjukkan murid masih lagi tidak menguasai sepenuhnya kemahiran pembelajaran abad ke-21. Secara amnya, kemahiran pembelajaran abad ke-21 adalah salah satu langkah yang dapat meningkatkan tahap pemikiran dan tingkah laku murid untuk lebih berpengetahuan, mahir dan menilai dalam melaksanakan penaaakulan dan refleksi (KPM, 2014). Lantaran itu, murid akan lebih berinovasi dan berwawasan dalam mencipta sesuatu yang baharu. Secara amnya, sekiranya murid menguasai kognitif maka psikomotor mereka juga akan menunjukkan prestasi yang seiring.

Namun begitu, berdasarkan dapatan kajian ini, murid masih tidak dapat mengerakkan tingkah laku mereka dengan tindakan yang sewajarnya dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi. Pengalaman atau situasi sebenar perlu diberikan kepada murid (psikomotor) agar dapat mengasah minda keusahawanan dan keyakinan diri murid seperti yang dibuktikan dalam kajian Wan Mohd Zaifurin et al. (2020) dan Esmalaily et al. (2019). Tambahan, sekiranya murid didedahkan dengan soalan yang beraras tinggi maka murid akan lebih berusaha untuk mencari jawapan bagi soalan tersebut. Sekaligus mendorong sifat berani murid untuk mencuba dan menganalisis sesuatu yang baharu (Fadilla et al., 2020). Malah, maklum balas yang diberikan oleh murid akan mempengaruhi pencapaian prestasi yang lebih cemerlang kelak dan ini sama seperti yang ditunjukkan dalam kajian Ahmad Fauzi et al. (2018).

Jadual 12: Ke kerap an dan Peratusan Pencapaian Prestasi MPEI Perniagaan mengikut Kategori Kognitif, Afektif dan Psikomotor (n=217)

Skor	Tahap	Kognitif		Afektif		Psikomotor	
		n	%	n	%	n	%
70 hingga 100	Cemerlang	38	17.5	147	67.7	76	35
50 hingga 69	Kepujian	110	50.7	48	22.1	83	38.3
40 hingga 49	Lulus	46	21.2	15	6.9	30	13.8
0 hingga 39	Gagal	23	10.6	7	3.2	28	12.9

5. Kesimpulan

Kajian ini menentukan tahap sikap keusahawanan dan tahap pencapaian prestasi subjek Perniagaan murid di sekolah menengah. Secara kesimpulannya, tahap sikap keusahawanan murid adalah tinggi. Sementara, bagi tahap pencapaian prestasi murid adalah cemerlang dari segi afektif. Namun begitu, dapatan menunjukkan tahap pencapaian prestasi murid bagi kognitif dan psikomotor berada pada tahap kepujian. Ini menunjukkan bahawa murid masih belum menguasai sepenuhnya subjek perniagaan kerana tidak berlakunya keseimbangan pencapaian dari segi kognitif, afektif dan psikomotor. Murid didapati mempunyai afektif keusahawanan yang bagus, namun begitu dari segi penguasaan pemikiran murid hanya mencapai tiga aras pemikiran yang rendah sahaja. Disebabkan itu, ia memberi kesan kepada pencapaian psikomotor murid. Ini kerana aras pemikiran murid yang terhad menyebabkan mereka tidak dapat mengaplikasikan kepada tingkah laku (psikomotor) walaupun mereka mempunyai emosi yang positif dalam pembelajaran (afektif). Ini membuktikan bahawa walaupun murid mempunyai kecemerlangan dalam pencapaian prestasi mereka belum tentu dapat menguasai kemahiran (Noorul Jannah et al., 2019).

Kajian ini penting bagi mempertingkatkan lagi kandungan kurikulum agar standard kandungan yang ditawarkan dapat mengembangkan minat keusahawanan murid dan tidak dibiarkan pudar begitu sahaja. Ini kerana keusahawanan merupakan salah satu bidang yang sering dilihat oleh industri malah kemahiran dan pengetahuan keusahawanan mampu menjadikan seseorang memilih keusahawanan sebagai kerjaya utama (Barnard et l., 2018). Aktiviti dan program yang dianjurkan di sekolah perlu bersesuaian dengan keinginan kerajaan dalam melahirkan individu yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan seperti yang ditekankan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013). Malah, guru perlu merancang aktiviti pembelajaran agar murid dapat menimbulkan minat dan sikap keusahawanan mereka. Sekiranya murid berasa seronok dalam mempelajari subjek Perniagaan maka kesamarataan pencapaian kognitif, afektif dan psikomotor murid akan wujud. Tambahan pula, sikap keusahawanan murid yang tinggi akan menambahkan lagi perkembangan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam bidang keusahawanan. Oleh itu, pihak kerajaan, sekolah malahan guru perlu memainkan peranan masing-masing agar murid dapat merealisasikan keusahawanan sebagai kerjaya utama dengan berbekalkan kognitif, psikomotor dan afektif yang seimbang.

Rujukan

- Affzalina Hasan & Nor Aishah. (2017). Perbandingan Tahap Sikap, Pemikiran dan Tingkah Laku Keusahawanan dengan Tahap Perancangan Berniaga Mahasiswa Jurusan Sains. *Journal of Global Business and social Entrepreneurship*, 1(1), 86-99.
- Agus Dudung. (2018). *Penilaian Psikomotor*. Depok: KARIMA.
- Ahmad Fauzi Mohd Ayu, Aida Suraya Md Yunus & Rosnaini. (2018). Pengaruh Guru, Rakan Sebaya dan Sokongan Keluarga terhadap Keterlibatan Matematik dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 8(1), 1-12.
- Ahmad Rosli Mohd Nor, Sahalani Basar & Zuraidi Md Tahir. (2017). Meneroka Faktor Kritikal Kejayaan Lulusan Kolej Komuniti Melaka yang Berpendapatan Tinggi. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Social Sciences and Humanities*, 1, 39-54.
- Amran Omar, Shazlin Amir Hamzah & Chang Peng Kee. (2021). Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Batas Etnik di Sekolah Kebangsaan Zon Utara Semenanjung Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(3), 253-269.
- Ayu Siti Aminah Husin. (2020). Kajian Kes Indeks Kesukaran dan Diskriminasi Item Ujian

- Sumatif Bahasa Inggeris (Pemahaman) Tahun 5. *Sains Humanika*, 12, 57-66.
- Azizi Subeli & Roslinda Rosli. (2021). Sikap dan Kesiapan Pelajar Tingkatan Empat Terhadap Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pembelajaran Matematik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(3), 54-68.
- Azwini Darlina Ismail, Nor Aishah Buang & Norasmah Othman. (2021). Kecenderungan Keusahawanan Terhadap Aspirasi Kerjaya Keusahawanan atas Talian dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 6. *Malaysian Journal of Sciences and Humanities*, 6(2), 9-21.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2016). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Perniagaan Tingkatan 4 KSSM*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Barnard, A., Pittz, T., & Vanevenhoven. (2018). Entrepreneurship education on u. S. Community colleges: A review and analysis. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, 26(5), 1-19.
- Bazkiaei, H. A., Low, H. H., Noor Ullah Khan, Roselina Ahmad Saufi & Raja Suzana Raja Kasim. (2020). Do Entrepreneurial Education and Big-Five Personality Traits Predict Entrepreneurial Intention among Universities Students?. *Cogent Business and Management*, 7(1), 1-19.
- Bhutali, P.B. & Bamagond, A. V. (2020). A Study on Academic Achievement Of Residential and Non Residential Secondary School Students in Relation to Locality. *International Research Journal on Advanced Science Hub*, 2(12), 73-77.
- Bloom, B. (1956). *Taxonomy of Educational Objectives. Book 1: Cognitive domain*. London: Longman Group Ltd.
- Bosma, N., Hill, S., Ionescu-Somers, A., Kelley, D., Guerrero, M., & Schott, T. (2021). *Global entrepreneurship monitor (GEM) 2020/2021 Global report*. London: Global Entrepreneurship Research Association, London Business School.
- Chew, F. P. & Zul Hazmi Hamad. (2018). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan Bahasa Melayu melalui Teknik Penyoalan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1), 1-12.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2007). *Research Methods in Education*. Sixth Edition. Routledge. New York.
- Corbi, R. G., Rico, T. P., Castejon, J. L., Sanchez, T., Palis, I. S. & Vidal, J. (2020). Academic Achievement and Failure in University Studies: Motivational and emotional Factors. *Sustainability*, 12, 1-14.
- Crow, L. D. & Alice Crow. (1980). *Psikologi Pendidikan untuk Perguruan*. Terjemahan oleh Habibah Elias. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Esmalaily Muhamad Akhsan & Norasmah Othman. (2019). Hubungan Antara Kemahiran Keusahawanan Dengan Tekad Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(31), 305-317.
- Fadilla Che Faizu & Norasmah Othman. (2020). Tahap Pengetahuan Asas Keusahawanan Terhadap Keinginan Memilih Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Kelas Aliran Agama. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(2), 240-254.
- Fauziah Ibrahim, Khadijah Alavi & Nazirah Hassan. (2020). *Penulisan Tesis Kajian Kualitatif dan Kuantitatif*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Genshu, L., Yaping, S., & Bingchao, P. (2021). How University Entrepreneurship Support Affects College Students' Entrepreneurial Intentions: An Empirical Analysis from China. *Sustainability*, 13, 3224-3249.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi Di Sekolah*. Putrajaya.
- Kementerian Pembangunan Usahawan. (2019). *Dasar Keusahawanan Nasional 2030*.

- Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2015*. Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah Edisi ke-2*. Putrajaya.
- Kline, R. B. (2011). *Methodology in the Social Sciences*. Principles and practice of structural equation modeling (3rd ed.). Guilford Pres.
- Kusumajonto, D. D., Wibowo, A., Kustiandi, J., & Narmaditya, B. S. (2021). Do Entrepreneurship Education and Environment Promote Students' Entrepreneurial Intention? The Role of Entrepreneurial Attitude. *Cogent Education*, 8, 1-17.
- Lavelle, B. A. (2019). Entrepreneurship Education's Impact On Entrepreneurial Intention Using The Theory Of Planned Behavior: Evidence From Chinese Vocational College Students. *Entrepreneurship Education and Pedagogy*, 1-22.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2020_a). *Laporan Analisis Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2019*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2021_b). *Laporan Analisis Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2020*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lily Hanefarezan, Maimun Aqsha, Ashinida & Mus'ab. (2018). Kesahan dan Kebolehppercayaan Instrumen Strategi Pembelajaran Kolokasi Bahasa Arab: Analisis Menggunakan Model Rasch. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 1(1), 131-140.
- Linan, F. & Chen, Y.W. (2009). Entrepreneurship Theory and Praticce. In *Entrepreneurship Theory and Practice*, 593-617.
- Minah Sintian, Rosilah Kiting & Wilson. (2021). Sikap Murid terhadap Kemahiran Literasi Digital dalam Pembelajaran Bahasa Kadazandusun di Sekolah Menengah Sabah, Malaysia. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 5(1), 19-21.
- Nur Adila Diyana & Shahlan Surat. (2021). Kecenderungan Berfikir Kritis dan Pencapaian Kesusasteraan Bahasa Inggeris Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Daerah Kepala Batas, Pulau Pinang. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6 (3), 203-214.
- Noratikah Bilhudah & Radin Siti Aishah Radin A. Rahman. (2017). Strategi Pembudayaan Aktiviti Keusahawanan Sosial Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *Graduate Research in Education Seminar*, 426-433.
- Norhafizah Md Yusof & Norasmah Othman. (2018). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penguasaan Mata Pelajaran Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Melaka. *International Conference on Global Education, VI (Ogos)*, 1224-1235.
- Noorizda Emellia Mohd Aziz, Wan Nur Afini Wan Saidin, Zurairah Jais, Maryam Mohd Esa & Zamry Gafar. (2019). Niat Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Wanita di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). *Journal of Business Innovation*, 4(2), 36-49.
- Noorul Jannah Azaman & Nor Aishah Buang. (2019). Tahap Kemahiran Abad ke-21 Pelajar dalam Mata Pelajaran Perniagaan berdasarkan Lokasi Sekolah dan Jantina. *International Conference on Global Education VII Humanising Technology for IR 4.0*, 846-853.
- Norzina Yahaya. (2019). Tambahan Mata Pelajaran ikut Kecenderungan Pelajar. <https://www.sinarharian.com.my/article/59425/BERITA/Nasional/Tambahan-mata-pelajaran-ikut-kecenderungan-pelajar> [20 Januari 2021]
- Nursyahirah Wahidah Masrom, Mahyuddin Hashim, Noorhayati Hashim & Fariza Puteh Behak. (2018). Kedudukan Taksonomi Bloom Menurut Perspektif Islam. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 1(1), 18-26.

- Nur Asmaliza Mohd Noor, Noraida Mohd Saim, Rohaya Alias & Siti Hawa Rosli. (2020). Students' Performance on Cognitive, Psychomotor and Affective Domain in the Course Outcome for Embedded Course. *Universal Journal of Educational Research*, 8(8), 3469-3474.
- Nurul Jasmin Ramli & Noor Aslinda Abu Seman. (2020). Kajian Mengenai Niat Keusahawanan Mengikut Teori Tingkah Laku Terancang. *Research in Management of Technology and Business*, 1(1), 984-998.
- Nurul Yuliandini, Ghullam Hamdu & Resa Respati. (2019). Pengembangan Soal Tes Berbasis Higher Order Thinking Skill (Hots) Taksonomi Bloom Revisi di Sekolah Dasar. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Guru Sekolah Dasar*, 6(1), 37-46.
- Nurzulaikha Amran & Noor Aslinda Abu Seman. (2021). Hubungan antara Faktor Sokongan Pendidikan dan Minat Pelajar dalam Bidang Keusahawanan. *Research in Management of Technology and Business*, 2(1), 1499-1508.
- Omar, K. M. (2021). Measuring the Entrepreneurship Characteristics and Its Impact on Entrepreneurial Intentions. *Open Journal of Business and Management*, 9, 672-687.
- Pimpa, N. (2019). Entrepreneurship Education: The Learning Conundrum in the Transnational Context. *Humanities and Social Sciences Reviews*, 7(5), 503-509.
- Puveneswari Ganesan & Wan Muna Ruzanna wan Mohammad. (2021). Motivasi Murid India terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 203-212.
- Qadasi, N. A., Zhang, G., & Jubari, I. A. (2021). Attitude of Youth Towards Self Employment: Evidence From University Students in Yemen. *PLOS One*, 16(9), 1-20.
- Ravi Nagarathanam. (2015). Hubungan Sikap, Pemikiran dan Tingkah Laku Terhadap Keinginan dalam Pemilihan Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Prasiswazah India di Institut Pengajian Tinggi Sekitar Bangi. *Tesis Penyelidikan*.
- Ridzuan Masri, Arman Ahmad & Razlina Abd Rani. (2018). Teori Maslow dalam Konteks Memenuhi Keperluan Asas Pekerja dan Perannya dalam Meningkatkan Prestasi Organisasi: Kajian dan Perspektif Islam. *Jurnal Hadhari*, 10(1), 1-27.
- Rosniza Aznie Che Rose, Nur Hanis Misrin, Noordeyana Tambi & Junaidi Awang Besar. (2020). Faktor Pemilihan Pekerjaan Tidak Formal dalam Kalangan Generasi Muda. *Akademika*, 90 (Isu Khas 1), 147-160.
- SME Corporation Malaysia. (2021). *Laporan Tahunan PKS 2019/2020*. Kuala Lumpur.
- Sun, H., Ni, W., The, P. L. & Lo, C. (2020). The Systematic Impact of Personal Characteristics on Entrepreneurial Intentions of Engineering Students. *Frontiers in Psychology*, 11, 1-15.
- Sutha Periasamy & Halimah Harun. (2017). Sikap Guru dan Minat Pelajar terhadap Aspirasi Kerjaya Keusahawanan Pelajar Bermasalah Pembelajaran. *International Conference on Education, Islamic Studies and Social Sciences Research (ICEISR)*.
- Silva, L. De & Koggalage, R. (2021). Current Trends in Entrepreneurship and Technology Education Considering Sri Lankan and Global Perspectives. *International Research Journal of Modernization in Engineering Technology and Sciences*, 03(02), 401-410.
- Shah, I. A., Amjed, S., & Jaboob, S. (2020). The Moderating Role of Entrepreneurship Education in Shaping Entrepreneurial Intentions. *Journal of Economic Structures*, 9(1), 1-15.
- Toresingam, T. T., Norasmah Othman & Radin Siti Aishah. (2019). Pengetahuan dan Kemahiran Guru Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Ilmu Asas Perniagaan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(26), 46-56.

- Wan Suhaidashima Wan Jaafar, Radin Siti Aishah Radin A. Rahman & Norasmah Othman. (2019). Hubungan Pengetahuan dan Minat dengan Pencapaian Mata Pelajaran Perniagaan dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah di Daerah Setiu, Terengganu. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 5(15), 12-20.
- Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang & Ibrahim Mamat. (2019). Faktor-faktor Penentu Kecenderungan Keusahawanan dalam kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *Akademika*, 89(2), 3-15.
- Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang & Ibrahim Mamat. (2020). Kajian Perbezaan Latar Belakang dan Kecenderungan Keusahawanan Pelajar Sekolah Menengah di Terengganu. *Jurnal Pengurusan*, 60, 1-14.
- Yee Sye Foong. (2018). *Asas Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Selangor: Pelangi Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Zunaini Mat Nawawi & Norasmah Othman. (2019). Trait Personaliti, Iklim Sekolah dan Minat Kerjaya Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar SMK. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, 2(6), 51-65.